

23 OCT 1998

DAKWAAN GURU BESAR TIDAK MENGAJAR TIDAK BENAR

IPOH, 23 Okt (Bernama) -- Kesemua 7,000 orang guru besar sekolah di negara ini disahkan mengajar sekurang-kurangnya lima waktu seminggu, kata Yang di Pertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM), Haji Muhammad Mustapha.

Menurut beliau, perkara itu disahkan berdasarkan kajian gabungan dengan kerjasama Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan yang membabitkan pelbagai kategori sekolah iaitu sekolah luar bandar, dalam bandar, sekolah jenis A dan B serta sekolah-sekolah jenis kebangsaan baru-baru ini.

Sehubungan itu, dakwaan pemimpin sebuah kesatuan perguruan bahawa 70 peratus guru besar tidak mengajar adalah tidak benar.

Muhammad yang ditemui selepas majlis penutup persidangan perwakilan gabungan itu di sini, hari ini berkata, malah sebelum Kementerian mengedar pekeliling mengenai arahan guru besar perlu mengajar lima waktu seminggu, kebanyakan guru besar mengajar antara sembilan dan 12 waktu seminggu.

Sebanyak enam usul diluluskan termasuk merayu Kementerian mengkaji semula rancangan perlantikan guru besar Gred DG3, memohon Kementerian mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pelajar yang terbabit dalam kegiatan samseng serta meminta dipercepatkan perlantikan guru besar pakar.

Persidangan itu turut meluluskan usul tergepar memberi sokongan dan berdiri teguh bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah kegawatan ekonomi serta mengekalkan kestabilan politik.

-- BERNAMA

LAT PR